
UNIVERSITI SAINS MALAYSIA

Peperiksaan Semester Pertama
Sidang Akademik 2004/2005

Oktober 2004

RMK 153 – Prinsip-Prinsip Ekonomi Binaan

Masa: 3 jam

Sila pastikan bahawa kertas peperiksaan ini mengandungi **TIGA** muka surat yang tercetak sebelum anda memulakan peperiksaan ini.

Jawab **EMPAT** soalan. Jawab **SATU** soalan dari **BAHAGIAN A**, **SATU** soalan dari **BAHAGIAN B** dan **SATU** soalan dari **BAHAGIAN C**, dan jawab **SATU** soalan dari mana-mana Bahagian.

BAHAGIAN A

1. (a) Apa yang anda faham dengan konsep keanjalan permintaan dari harga. Terangkan faktor yang boleh mempengaruhi keanjalan permintaan dan guna carta untuk terangkan apa yang dimaksudkan dengan:-
- (i) permintaan anjal
 - (ii) permintaan tak anjal
 - (iii) keanjalan unitari
 - (iv) anjal sempurna
 - (v) anjal tak sempurna
- (b) Pengeluaran adalah proses di mana beberapa faktor digabungkan dan diubah menggunakan teknologi yang ada menjadi sesuatu output. Organisasi yang bertanggungjawab atas pengeluaran adalah firma, dan untuk mencapai satu tahap output, firma ingin mencapai kos yang terendah mungkin.
- (i) Apakah jenis-jenis kos yang wujud?
 - (ii) Bagaimanakah angkubah kos boleh berubah apabila output bertambah?
- (25 markah)
2. (a) Beza dan bincangkan ciri-ciri utama untuk pasaran persaingan sempurna dan pasaran monopoli.
- (b) Para usahawan akan memaksimumkan untung sekiranya output ditetapkan pada tahap di mana kos marginal sama dengan hasil marginal. Bincangkan dengan lakaran carta yang sesuai.
- (25 markah)

BAHAGIAN B

3. (a) Apakah yang dimaksudkan dengan rantaian hadapan dan rantaian belakang? Jelaskan dengan merujuk kepada industri binaan.
- (b) Pandangan perumahan sebagai satu sektor produktif telah melalui perubahan sejak beberapa tahun kebelakangan ini. Perincikan perubahan tersebut.

(25 markah)

4. (a) Jelaskan perbezaan antara tender terbuka, tender terpilih satu peringkat dan tender berunding.
- (b) Jelaskan kenapa walaupun dalam tender terbuka, persaingan sempurna tidak timbul.

(25 markah)

BAHAGIAN C

5. Bincangkan fasa-fasa pembangunan ekonomi Negara semenjak kemerdekaan sehingga terbentuknya wawasan 2020. Perbincangan perlu merangkumi isu-isu:-
- (a) Polisi-polisi kerajaan yang telah diwujudkan;
- (b) Senario yang berlaku dalam industri pembinaan dalam setiap fasa.

(25 markah)

6. Dalam sektor ekonomi terdapat penawaran dan permintaan. Bincangkan faktor-faktor dan isu-isu yang mewujudkan penawaran dan permintaan dalam industri pembinaan. Penawaran adalah merujuk kepada firma-firma pembinaan manakala permintaan diwujudkan oleh sektor awam dan swasta.

(25 markah)